

## **Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2020: Ke Arah Pemeriksaan Industri Halal Malaysia**

FARAH MOHD SHAHWAHID  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
farahms@kuis.edu.my

DR. AZIZAH MAT RASHID  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
azizahrashid@kuis.edu.my

NAWAL SHOLEHUDDIN  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
nawal@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

Peningkatan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan halal telah memacu perkembangan pesat industri halal Malaysia. Seiring dengan perkembangan ini, wujud keperluan untuk undang-undang halal dikemaskinikan sebagai langkah menangani isu-isu tertentu yang timbul dalam kalangan pengusaha-pengusaha industri halal, pengguna dan pihak berkuasa. Kajian ini ingin melihat bagaimana kandungan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2020 dapat memenuhi keperluan industri halal dan menyelesaikan isu-isu berkaitan halal masa kini. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan membuat analisis dokumen dan temubual pakar bidang. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat banyak pembaharuan dan penambahbaikan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia yang baru ini dan kandungannya juga selari dengan perundangan-perundangan lain yang berkaitan dengan industri halal. Pemantauan berterusan dan penguatkuasaan efektif adalah diperlukan bagi memastikan perundangan ini dapat dilaksanakan dengan baik dalam industri halal negara.

*Keywords: Industri halal Malaysia, Pensijilan halal, Undang-Undang halal, Penguatkuasaan undang-undang*

### **PENGENALAN**

Seiring dengan perkembangan ekonomi negara, industri halal Malaysia semakin mendapat sambutan meluas di peringkat domestik dan antarabangsa. Kategori barangan dan perkhidmatan berkaitan dengan halal menjadi semakin bertambah. Hal ini kerana pertambahan bilangan orang beragama Islam di seluruh dunia yang membawa kepada peningkatan pasaran produk halal. Tambahan lagi, ramai yang semakin sedar bahawa pentingnya pengambilan produk-produk halal kerana halal itu bukan sahaja bersih tetapi suci daripada segala kekotoran. Penggunaan produk halal juga tidak tertumpu kepada masyarakat Islam malahan masyarakat bukan Islam juga semakin tertarik dengan kualiti barangan halal selaras dengan prinsip *halalan tayyiban*.

Malaysia juga merupakan sumber rujukan utama kepada lebih 150 negara dalam pelbagai bidang produk halal termasuk pembangunan dan pengurusan industri halal. Kini, pelbagai

organisasi di peringkat antarabangsa telah mula menitikberatkan nilai halal kerana ia serasi dengan usaha meningkatkan kesejahteraan sosial, melindungi alam sekitar dan juga etika perniagaan. Penggunaan produk halal yang semakin meluas membawa kepada keperluan memperluaskan skop undang-undang bagi mengawal pensijilan produk halal. Ini kerana berbeza pada awal pengenalan cop halal bagi pasaran produk makanan halal, pensijilan halal kini turut tertumpu pada produk kosmetik, farmaseutikal, logistik dan kini ditambah lagi dengan sektor baharu dalam produk peranti perubatan. Perubahan kepada industri halal ini membawa kepada pembaharuan kepada beberapa undang-undang berkaitan pengurusan pensijilan halal Malaysia. Ini termasuklah pindaan kepada Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia dan Standard Malaysia. Oleh itu, terdapat keperluan untuk kajian kepada perundangan-perundangan berkaitan industri halal bagi mengemaskini kajian-kajian lepas.

## **SOROTAN LITERATUR**

Halal berasal dari sudut bahasa adalah *halla*, *yahillu*, *hillan* yang bermaksud membebaskan, melepaskan, dan membolehkan. Manakala dari aspek istilah syara' ia merupakan sesuatu yang diharuskan yang tiada ikatan larangan padanya serta diizinkan oleh syara' untuk melakukannya. Tafsiran halal menurut perundangan di Malaysia adalah dengan merujuk kepada Akta Perihal Dagangan 2011, di dalam perenggan 3 undang-undang subsidiari kepada Akta Perihal Dagangan 2011 iaitu Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 memperuntukkan halal adalah makanan dan barangan itu boleh dimakan dan digunakan oleh orang Islam. Syarat-syarat makanan dan barangan tersebut mestilah tidak terdiri daripada benda atau binatang yang dilarang oleh syarak, penyembelihan mestilah mengikut syarak, tidak mengandungi najis, tidak memabukkan, tidak mengandungi bahagian anggota badan manusia, tidak beracun dan memudaratkan kesihatan, tidak disediakan, diproses atau dikilangkan menggunakan peralatan yang dicemari najis, dan tidak bersentuhan serta bercampur dengan benda atau binatang yang mengandungi najis dan dilarang oleh Hukum Syarak dan fatwa. Peruntukan ini jelas menggambarkan bahawa setiap bahan yang digunakan perlu mematuhi Hukum Syarak dan fatwa.

Di Malaysia, perkataan halal diguna pakai secara menyeluruh, komprehensif dan bukan bersifat keagamaan semata-mata (Syaripah, 2019). Menurut Lokman (2019), komuniti peniaga kebanyakan bukan Islam mula sedar akan kepentingan halal dan memohon supaya produk barangan mereka diberikan pengesahan halal walaupun secara amalannya di Malaysia tidak terdapat mana-mana akta atau undang-undang yang mewajibkan pengusaha untuk mendapatkan sijil halal, malahan ia dibuat secara sukarela.

Malaysia merupakan salah satu pusat halal dunia yang turut memasukkan halal ke dalam skop perancangan ekonomi jangka panjang (Setiyawan et al., 2021). Usaha penyeragaman pensijilan halal di Malaysia dipertanggungjawab kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) (Ab Halim & Mohd Salleh, 2018). *Halal Industry Development Corporation* (HDC) pula bertanggungjawab dalam menyediakan latihan dan membantu penambahbaikan produk agar setanding dengan pasaran luar (Siti Hawa & Norazlisham, 2018). Terdapat beberapa agensi lain yang turut menyokong tugas JAKIM di mana setiap agensi tersebut mempunyai peranan, bidang kuasa dan perundangan tersendiri (Che Rosmawati et al., 2015; Norazilawati, 2015, Liziana & Mariam, 2014). Antara agensi yang terlibat ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Pihak

Berkuasa Tempatan (PBT). Setiap agensi yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang halal ini perlu meningkatkan kerjasama berdasarkan peruntukan undang-undang di bawah agensi masing-masing (Che Rosmawati et al., 2015). Penglibatan agensi-agensi yang berbeza dalam industri ini menunjukkan skop industri Halal itu sendiri adalah sangat luas di mana pertindanan bidang kuasa tidak dapat dielakkan (Nur Zulfah, 2019).

Akta Perihal Dagangan 2001 atau APD 2011 merupakan salah satu akta atau undang-undang yang digubal untuk mengawal selia hal ehwal dan pengaturan halal di Malaysia (Harlida & Alias, 2014). Sebelum APD 2011 dikuatkuasakan, sijil halal telah dikeluarkan oleh pelbagai pihak. Hal ini menyebabkan lebih daripada 10 pihak pengeluar sijil halal pada masa tersebut yang kebanyakannya mengenakan yuran yang tinggi dan meletakkan keuntungan di hadapan serta ada juga yang boleh dipertikaikan kebolehpercayaannya (Zalina & Siti Zubaidah, 2015). Penggubalan APD 2011 ini telah memberikan kuasa kepada JAKIM dan MAIN untuk memberi amaran, menggantung atau menarik balik lesen perniagaan. Kuasa ini telah memberi pegawai JAKIM kuasa yang sama seperti pegawai penguat kuasa KPDNKK. Namun untuk memperolehi sabitan, siasatan dan pendakwaan yang dilakukan mestilah cekap dan mantap (Tun Abdul Hamid, 2015).

Mohd Amri et al. (2021) di dalam kajiannya menyatakan bahawa logo halal JAKIM diiktiraf oleh dunia kerana logo dan sijil halal yang dikeluarkan JAKIM adalah mengikut standard akreditasi sejajar dengan hukum Syariah dan kriteria yang ketat. Kepakaran pensijilan halal Malaysia ini menjadi rujukan ekonomi dunia seperti Amerika Syarikat, China, Jepun, Australia, New Zealand, Korea Selatan dan negara-negara Islam. Integriti dan kredibiliti Sijil Pengesahan Halal Malaysia menjadi penanda aras dalam membangunkan standard dan sistem pensijilan halal di kebanyakan negara-negara dunia (Nidiya Zuraya, 2020). Hal ini dibuktikan apabila Jepun menjadikan Malaysia melalui JAKIM sebagai rujukan utama halal dalam mengadakan olimpik halal yang pertama ketika menganjurkan Olimpik 2020 (BERNAMA, 2017). Meskipun begitu, terdapat aspek yang memerlukan penambahbaikan iaitu dari sudut pegawai, peruntukan dan memperkemas prosedur serta peraturan halal (Mohd Amri et al., 2021).

Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM) adalah perincian kepada prosedur pensijilan halal dan merupakan suatu garis panduan untuk dijadikan rujukan pihak pengusaha industri yang ingin memohon sijil pengesahan halal yang dikeluarkan oleh JAKIM atau JAIN (Mustaffa et al., 2017). Manual ini dijadikan panduan dalam memberikan kefahaman kepada pengusaha dan masyarakat awam mengenai syarat dan keperluan pensijilan yang merangkumi proses penyediaan, pemprosesan, penyimpanan, pembungkusan, pengendalian dan pengangkutan bagi makanan, minuman dan barang gunaan orang Islam selain daripada menjadi rujukan kepada pihak berkuasa dalam menentukan kehalalan sesuatu produk. Mana-mana pengusaha tempatan mahupun luar negara yang ingin mengemukakan permohonan sijil halal perlu mematuhi piawaian asas yang ditetapkan oleh JAKIM atau JAIN (Mustaffa et al., 2017).

Menurut Nurul Atikah & Anwar (2018), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM 2014) ini telah disemak sebanyak tiga kali untuk memantapkan sistem Pensijilan Halal Malaysia, melalui penambahbaikan terhadap keperluan dan prosedur Pensijilan Halal Malaysia. Di antara penambahbaikan yang dilaksanakan dalam semakan ketiga ialah penekanan kepada aspek pemantapan sistem pengurusan halal dalaman syarikat dengan menetapkan aspek sistem kawalan halal dalaman.

Pada 28 September 2020, Bahagian Kawal Selia Halal, JAKIM telah mengeluarkan pekeliling berkaitan pensijilan halal yang menyatakan bahawa Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 (MPPHM 2020) akan menggantikan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014 bagi memenuhi keperluan berkaitan dengan Sijil Pengesahan Halal Malaysia kategori domestik. MPPHM 2020 mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2021 (JAKIM, 2020).

Kajian oleh Syaripah (2019) menyatakan meskipun pelbagai penambahbaikan telah dibuat dalam pengurusan pensijilan halal, namun masih terdapat peningkatan aduan berkaitan status halal produk di pasaran. Pengguna masih menuntut supaya penguatkuasaan undang-undang halal ditingkatkan dan pemeriksaan secara mengejut perlu dilakukan dengan lebih kerap terhadap premis-premis yang memegang sijil halal bagi mengelakkan sebarang penyelewengan. Label atau logo halal dikeluarkan oleh JAKIM setelah semua peringkat kelulusan dipenuhi oleh pengusaha. Ini menunjukkan label halal atau logo halal amat penting dan eksklusif bagi memastikan setiap produk makanan dijamin kehalalannya (Nurul Atikah & Anwar, 2018).

Terdapat beberapa kes yang melibatkan penyalahgunaan logo halal. Seorang pemilik kedai makan telah didenda RM10,000 selepas mengaku bersalah menggunakan perkataan halal tanpa perakuan oleh JAKIM tempat tertuduh (Nor Farhana, 2022). Dalam kes yang lain, dua premis di Port Dickson didapati menggunakan logo halal yang tidak sah dan mempamerkan sijil halal milik pembekal bahan mentah. Kesalahan ini boleh mengelirukan pengguna terutama bagi pelanggan beragama Islam. Pemilik premis tersebut boleh didenda sehingga RM100,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya bagi individu. Manakala hukuman bagi pertuduhan perbadanan adalah denda sebanyak RM250,000 (Ahmad Hasbi, 2021).

Selain sikap pengguna, antara faktor yang dilaporkan menyumbang kepada fenomena penyelewengan ini adalah kelemahan dalam pelaksanaan kawalan pematuhan pengeluaran makanan halal yang telah memberi ruang kepada pengusaha yang tidak bertanggungjawab untuk tidak mematuhi prosedur pengeluaran makanan dan pengesahan halal. Kelemahan tersebut menyebabkan berlakunya berbagai kegiatan penipuan termasuk pemalsuan sijil dan logo halal, percampuran ramuan tidak halal, penipuan dalam pengisytiharan ramuan dan sebagainya (Syaripah, 2019). Selain itu, Nurul Atikah & Anwar (2018) berpendapat bahawa pengusaha perlu menitik beratkan pensijilan halal bagi menjaga produk makanan daripada perkara yang ragu-ragu dan bercampur dengan najis. Oleh itu, setiap pengusaha perlu mempunyai eksekutif syariah atau penasihat syariah bagi memastikan setiap pematuhan dijalankan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Pematuhan terhadap MPPHM masih lagi dianggap umum kerana ia tidak menyeluruh menyentuh tentang amalan sebuah industri yang mengusahakan makanan (Mustaffa et al., 2017). Siti A'isyah (2021) menyatakan bahawa JAKIM menetapkan petunjuk prestasi utama (KPI) kira-kira 75 peratus daripada permohonan yang diterima bagi pensijilan halal dapat diselesaikan dalam tempoh maksimum 30 hari. Hal ini berikutan pelancaran dua dokumen iaitu Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (domestik) 2020 dan Sistem Pengurusan Halal Malaysia (MHMS) 2020. MPPHM (domestik) 2020 diharap dapat memperkasakan prosedur pensijilan halal di Malaysia. Hal ini adalah kerana aspek yang memerlukan penambahbaikan dalam undang-undang berkaitan industri halal adalah dari sudut pegawai, peruntukan dan memperkemas prosedur dan peraturan halal (Mohd Amri et al., 2021). Kerajaan perlu memastikan undang-undang yang sedia ada dikuatkuasakan dengan sempurna dan seandainya

terdapat kelompangan dalam undang-undang tersebut, maka ia perlu dikaji dan diperkemas agar dapat melahirkan satu set undang-undang yang benar-benar berkesan dan efektif serta dapat mencapai tahap perlindungan pengguna yang optimum.

Pihak pengurusan seharusnya melihat sejauh manakah keberkesanan terhadap permohonan pensijilan halal dalam kalangan pengusaha kecil dan sederhana. Analisis ini perlu supaya Manual Pensijilan Halal Malaysia tidak akan memberi bebanan kepada pengusaha dalam memasarkan produk keluaran mereka dan bertindak secara lebih bersungguh-sungguh bagi memberi kefahaman dan kesedaran kepada pengusaha untuk memahami dan memenuhi kehendak yang ditetapkan dalam manual berkenaan (Mustaffa et al., 2017). Bagi pembekal, pengilang dan peniaga, mereka perlu peka dengan undang-undang yang telah digariskan berkenaan hak pengguna. Mereka perlu sama-sama berusaha melindungi hak pengguna dengan cara melabel dengan jujur tanpa mementingkan keuntungan semata-mata agar pengguna dapat membuat rujukan serta membuat pilihan (Ab Halim & Mohd Salleh, 2012).

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan metod kualitatif melalui analisis data. analisis kandungan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020 (MPPHM 2020) dan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014.

## **PERBINCANGAN**

Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia adalah dokumen rasmi yang diterbitkan oleh pihak berkuasa berwajib iaitu JAKIM dan JAIN serta merupakan dokumen berbentuk pentadbiran yang menguruskan pensijilan halal Malaysia.<sup>1</sup> Ia juga menjadi rujukan utama dalam industri halal kepada pegawai eksekutif halal dan pengusaha-pengusaha industri di Malaysia. Matlamat utama semakan kepada adalah untuk memantapkan sistem Pensijilan Halal Malaysia melalui penambahbaikan terhadap keperluan dan prosedur SPHM. Antara semakan yang dilakukan pada kali ini ialah penekanan kepada aspek pemantapan sistem pengurusan halal dalaman syarikat dengan menetapkan aspek sistem kawalan halal dalaman. Penekanan juga diberikan terhadap peningkatan kompetensi individu-individu yang terlibat dalam pemantauan halal secara dalaman di syarikat melalui penetapan latihan yang berterusan.

Antara perbezaan yang terdapat dalam MPPHM 2014 dan MPPHM 2020 adalah seperti berikut:

### **1. Permohonan**

Terdapat beberapa skim pensijilan halal yang terbuka untuk dimohon antaranya adalah produk makanan dan minuman, produk kosmetik, produk farmaseutikal, premis makanan, produk barang gunaan, perkhidmatan logistik, rumah sembelihan, pengilangan kontrak dan produk peranti perubatan. Produk peranti perubatan merupakan skim baru yang diperkenalkan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020.<sup>2</sup>

Berkenaan syarat-syarat pensijilan halal, MPPHM 2020 meletakkan syarat-syarat baharu yang lebih spesifik dibandingkan dengan MPPHM 2014 yang tidak mensyaratkan keperluan

---

<sup>1</sup> *Bicara Farmaseutikal Siri 7: Ubat Halal, Sukar Ke Nak Buat?*. 2021. Video. Halal4Pharma.

<sup>2</sup> Prosedur 4 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020

menyertakan dokumen spesifik berkenaan dengan sesuatu skim yang hendak dimohon. Contohnya bagi skim makanan, antara syarat-syarat dalam MPPHM 2020 adalah ia perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia atau Perakuan Pendaftaran Koperasi atau lain-lain agensi kerajaan, dan memiliki lesen perniagaan dari PBT atau surat pengesahan dari agensi kerajaan. Selain itu, sekiranya permohonan yang dibuat adalah di bawah skim premis makanan maka ia perlu mendapatkan Perakuan Pendaftaran Premis Makanan daripada BKKM.

Antara syarat tambahan dalam MPPHM 2020 termasuklah keperluan pemohon atau pengilang beroperasi sepenuhnya sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum permohonan dibuat dan sekiranya syarikat berpindah lokasi, ia perlu beroperasi sepenuhnya sebulan di premis baharu. Pemohon dan pengilang juga perlu mengemukakan sijil Halal yang diiktiraf dan masih sah laku bagi permohonan pembungkusan semula produk atau dokumen sokongan yang jelas menyatakan sumber bahan. Nama syarikat, produk, menu, atau jenama yang dimohon hendaklah tidak mengandungi sebarang pernyataan atau representasi 'halal' atau sebarang cara lain untuk menunjukkan bahawa ia selamat digunakan orang Islam.

Selain itu, terdapat beberapa keadaan di mana permohonan pensijilan halal tidak layak dimohon antaranya adalah seperti syarikat yang mengeluarkan barangan halal dan tidak halal, penggunaan jenama yang sama bagi produk halal dan tidak halal, produk atau syarikat yang memberi implikasi negatif terhadap agama dan sosial, produk semulajadi yang tidak diproses dan tiada pengubahsuaian, serta produk yang menyerupai produk tidak halal seperti *ham, bacon, beer, rum, hot dog* dan sebagainya adalah tidak layak memohon kerana nama yang mengelirukan. MPPHM 2020 juga menambah syarat tidak membenarkan permohonan sijil halal bagi produk, menu dan perkhidmatan yang boleh membawa kepada penyelewengan akidah, perkara khurafat dan penipuan juga tidak layak memohon sebagai contoh sebuah bungkusan air mineral dikatakan dibaca 30 juzuk ayat Al-Quran atau diruqyahkan. Kebiasaannya produk ini akan diberi peluang kedua untuk membuat permohonan dengan mengubah suai kenyataan-kenyataan yang terdapat dalam suatu bungkusan agar diberi sijil pengesahan halal dan sekiranya tidak diubah maka produk tersebut adalah tidak layak dimohon.<sup>3</sup>

## **2. Fi**

Menurut MPPHM 2020, bayaran pensijilan halal dalam negara adalah sebanyak RM20.00 manakala bagi pemohon yang berdaftar di luar negara bayaran fi adalah sebanyak RM200.00. Prosedur baharu yang diletakkan seperti penambahan menu di mana sebelum ini ia tidak dikenakan caj, namun MPPHM 2020 menyatakan bayaran fi RM200.00 dikenakan kepada setiap penambahan menu bagi tempoh dua tahun. Cetakan poster logo halal juga dikenakan fi sebanyak RM50.00. Sebelum ini Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) akan disertakan dengan poster yang diberikan secara percuma untuk diletakkan di premis.<sup>4</sup>

MPPHM 2020 memperuntukkan berkenaan bagaimana kaedah pembayaran fi dibuat. Setiap pembayaran fi yang dijelaskan mestilah dikemukakan resit pembayaran kepada pihak berkuasa berwajib agar tidak berlaku sebarang kekeliruan. Pembayaran yang telah dibuat tidak boleh dikembalikan atau dipindahkan. Walaupun terdapat banyak perubahan dari segi kadar fi dalam MPPHM 2020, pihak berkuasa berwajib juga diberi ruang untuk mengecualikan bayaran fi

---

<sup>3</sup> *Ibid*

<sup>4</sup> Prosedur 7-11 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020

kepada mana-mana permohonan yang diuruskan sepenuhnya oleh pihak kerajaan. Sebagai contoh di negeri Selangor, permohonan SPHM untuk kantin sekolah agama diberikan pengecualian bayaran fi kerana ia diuruskan oleh pihak kerajaan.

### **3. Keperluan Umum Pensijilan**

Dalam MPPHM 2020, tafsiran bahan mentah telah diulas dengan jelas di mana ia didefinisikan sebagai bahan primer atau sekunder dan bahan mentah pemprosesan bagi suatu produk. Bahan mentah yang diperuntukkan dalam keperluan Pensijilan Halal Malaysia adalah terdiri dari bahan yang halal, selamat dan tidak tercemar. Hal ini telah diolah dengan lebih jelas berbanding MPPHM 2014.

Prosedur 17(2) diperkenalkan bagi mengelak berlaku kekeliruan berkenaan dengan produk, menu dan perkhidmatan dalam keperluan pensijilan halal. Prosedur ini memperuntukkan bahawa mana-mana produk yang dihasilkan mestilah tidak menyerupai haiwan yang dikategorikan sebagai najis *mughallazah*, berunsur keagamaan dan memberi implikasi negatif kepada Pensijilan Halal Malaysia.

MPPHM 2020 juga menambah peraturan baru berkenaan kawasan pemprosesan di mana ia mestilah bebas daripada sebarang produk yang tidak halal atau diragui status halalnya. Kawasan pemprosesan juga mestilah tidak digunakan untuk tujuan lain. Kawasan pemprosesan juga perlu bebas daripada unsur keagamaan, bersih dan teratur pada setiap masa. Sebagai contoh dalam tempoh pandemik Covid-19, kawasan pemprosesan dikesilkan sedikit kerana permintaan produk semakin berkurangan akan tetapi terdapat syarikat yang menginvasikan perniagaan daripada menghasilkan produk kepada mengedarkan produk dengan menggunakan produk yang sedia ada. Dalam situasi begini, pegawai halal yang berada di industri sepatutnya memaklumkan perkara ini kepada urus setia pensijilan halal untuk tindakan lanjut.

MPPHM 2020 memberi penekanan kepada peraturan berkenaan pembungkusan, pelabelan dan pengiklanan. Konsep halal bukan sahaja terletak pada sesuatu produk, malah ia juga boleh dikaitkan dengan moral dan etika terutama dalam pengiklanan bagi produk SPHM. Pelabelan produk di dalam negara hendaklah menggunakan Bahasa Melayu. Bagi pasaran eksport yang juga dijual di dalam negara, dibolehkan menggunakan Bahasa Inggeris pada pelabelannya. Bagi produk yang tidak dipasarkan di Malaysia, pelabelan adalah menggunakan bahasa negara di mana produk akan dipasarkan.

Peraturan berkenaan pengangkutan dan pengedaran dinyatakan secara ringkas dalam MPPHM 2014. MPPHM 2020 menambahbaik peruntukan tersebut dengan penerangan secara jelas berkenaan penyimpanan atau perkhidmatan yang melibatkan pihak ketiga. Peraturan ini ditambahbaik atas sebab terdapat aduan berkenaan kontrak perjanjian bertulis tiada peruntukan khusus berkaitan halal dan perkhidmatan logistik yang dibuat adakalanya bercampur dengan perkhidmatan lain yang membawa produk yang tidak halal. Prosedur 17(7) mengatakan setiap kenderaan yang membawa produk atau barangan yang mempunyai SPHM perlulah disertai terlebih dahulu untuk mengelakkan kekeliruan tidak kira sama ada sebelum ini ia membawa barangan-barangan yang tidak halal atau sebaliknya. Berkenaan kawasan premis, sistem kawalan berkesan perlu diwujudkan untuk mengelakkan pencemaran dari premis pemprosesan produk. Penggunaan konsep serti juga digunakan di dalam peraturan ini sebagai pencegahan daripada berlakunya pencemaran.

MPPHM 2020 telah menambah peruntukan berkaitan kemudahan dan kebajikan pekerja. Ini dapat menangani beberapa isu yang pernah timbul sebelum ini di mana terdapat segelintir syarikat pemegang SPHM yang bukan Islam yang kurang cakna mengenai tuntutan syariat. Pelepasan untuk menunaikan solat fardu dan solat Jumaat ini diperuntukkan untuk mengelakkan kes-kes aduan ini berlaku di masa hadapan.

MPPHM 2020 memperincikan keperluan latihan kesedaran halal. Berdasarkan kepada subprosedur latihan kesedaran halal, pegawai eksekutif halal di industri boleh melatih pekerja baharu berkenaan latihan kesedaran halal dan jika sebaliknya, pihak industri boleh memanggil pelatih daripada Jabatan Agama Islam atau menghantar pekerja ke pusat latihan untuk menjalani latihan kesedaran halal. Manakala latihan kompetensi halal perlu dibuat dalam tempoh tiga tahun sekali bertujuan untuk memastikan informasi berkenaan halal tidak dilupakan serta meningkatkan tahap pengetahuan dan kecekapan ahli Jawatankuasa Halal Dalam dalam meningkatkan keselamatan makanan dan halal dalam ekosistem pengeluaran produk makanan syarikat. Latihan yang dijalankan juga mestilah dikendalikan oleh Penyedia Latihan Halal yang berdaftar di bawah pihak berkuasa berwibawa.<sup>5</sup>

#### **4. Prosedur Permohonan**

MPPHM2020 menyenaraikan tiga keadaan permohonan pensijilan halal, iaitu permohonan baharu, permohonan tambahan dan penggabungan. Bagi permohonan baharu, terdapat syarat berkenaan setiap permohonan hendaklah tidak melebihi 100 produk bagi semua skim Pensijilan Halal Malaysia kecuali skim premis makanan, skim perkhidmatan logistik dan skim pengilangan kontrak. Sebelum ini, syarikat pemohon boleh membuat permohonan dalam sistem MYeHALAL untuk lebih daripada seribu produk, akan tetapi berdasarkan Manual 2020 permohonan terhad kepada 100 permohonan sahaja. Tujuan pengubahsuaian ini adalah untuk membantu urus setia di Jabatan Agama Islam dalam menguruskan permohonan dengan lebih berkesan seterusnya mempercepatkan urusan permohonan di peringkat industri.<sup>6</sup>

Untuk menangani isu permohonan pembaharuan dalam tempoh yang singkat sebelum tamat tempoh pensijilan, tempoh permohonan pembaharuan telah diperuntukkan dalam subprosedur 22 (2) di mana syarikat atau pemohon SPHM perlu mengemukakan permohonan seawal enam bulan dan selewat-lewatnya tiga bulan sebelum tamat tempoh SPHM. Ia diwujudkan bagi memastikan setiap permohonan tidak terjejas disebabkan proses permohonan pembaharuan memakan masa yang lama. Peraturan ini digubal agar pihak industri dapat memberi kerjasama dengan pihak berkuasa berwibawa untuk menghantar permohonan pembaharuan dalam tempoh masa yang lebih awal.<sup>7</sup>

#### **5. Pengauditan**

Proses pengauditan berlaku apabila dua orang pegawai pemeriksa turun ke lapangan yang terdiri daripada seorang pegawai syariah dan seorang pegawai teknikal makanan bagi memeriksa proses penghasilan sesuatu produk daripada awal hingga akhir. Ia turut melibatkan pemeriksaan dari segi kebersihan, ramuan, penyajian, pembungkusan dan barang-barang gunaan. Skop pemeriksaan pengauditan berdasarkan prosedur 26 MPPHM 2020 juga telah ditambahbaik daripada 12 kepada 15 perkara disenaraikan bagi proses pengauditan halal. Walaupun skop pengauditan semakin bertambah, penilaian yang dibuat semasa pengauditan

---

<sup>5</sup>Consultant Halal. 2021. *Latihan Kompetensi Halal*. <https://consultanthalal.blogspot.com/2021/06/halal-competency-training-latihan.html> [27 Februari 2022]

<sup>6</sup> Prosedur 21 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020

<sup>7</sup> *ACIS Webinar Series: Webinar Pemahaman Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM)*. 2020. Video. Shah Alam: UiTM.



lebih memfokuskan kepada memudahkan pegawai-pegawai eksekutif halal yang berada di industri untuk melakukan kerja dengan lebih baik bagi membantu proses perjalanan SPHM yang lancar.

## **6. Pemantauan**

Pemantauan bagi maksud dalam MPPHM 2020 dibahagikan kepada dua kategori iaitu pemantauan berkala dan pemantauan susulan. Pemantauan berkala merupakan pemeriksaan terancang ke atas pemegang SPHM untuk menilai kepatuhan terhadap prosedur Pensijilan Halal Malaysia serta perundangan yang berkaitan. Manakala pemantauan susulan dilakukan ke atas pemegang SPHM yang tidak mematuhi kehendak prosedur Pensijilan Halal Malaysia berdasarkan pemantauan terdahulu.<sup>8</sup>

## **7. Ketidakakuran**

MPPHM 2014 menggunakan terma kesalahan, tetapi ia telah diolah dan ditambahbaik dalam MPPHM 2020 dengan menukar terma kepada ketidakakuran. MPPHM 2020 masih mengekalkan tiga kategori ketidakakuran iaitu ketidakakuran kecil, ketidakakuran besar, dan ketidakakuran serius.

Ketidakakuran kecil merupakan ketidakakuran teknikal yang dilakukan oleh pemegang SPHM. Antara ketidakakuran teknikal yang disenaraikan dalam MPPHM adalah seperti ketidakakuran terhadap kebersihan, kesihatan, premis, persekitaran, latihan halal, menu, perkhidmatan logistik dan sebagainya.

Contoh ketidakakuran besar pula seperti pembekal bahan mentah diragui status halalnya, penyalahgunaan SPHM atau logo halal seperti mempamerkan SPHM yang telah tamat tempoh. Selain itu, ketidakakuran besar juga boleh berlaku jika terdapat unsur penyembahan di kawasan pemrosesan seperti tokong berhala di kawasan dapur hotel. Secara umumnya, ketidakakuran besar ini merupakan satu kesalahan yang memberi impak yang besar dalam prosedur pensijilan halal kerana ia boleh menyebabkan produk yang halal menjadi tidak halal.

Bagi ketidakakuran kategori serius terbahagi kepada dua bentuk iaitu ketidakakuran berkaitan syariah dan ketidakakuran berkaitan teknikal. Bagi ketidakakuran syariah ia meliputi pengesahan status tidak halal terhadap bahan mentah atau ramuan, produk, menu, perkhidmatan, percampuran dan pengendalian bahan tidak halal serta pengendalian proses penyembelihan yang berlawanan dengan hukum syarak. Ketidakakuran teknikal dalam kategori serius adalah seperti perubahan dan pengurusan syarikat tanpa maklumat pihak berkuasa berwajib, memproses haiwan yang tidak sempurna sembelihan sebagai produk dipersijilkan halal, memalsukan maklumat yang terdapat dalam SPHM atau logo halal, alat pelalihan diselia oleh pekerja bukan Muslim serta penyembelihan tidak bertauliah. Tambahan lagi, ketidakakuran besar juga boleh berubah kepada ketidakakuran serius sekiranya pemegang SPHM yang melakukan ketidakakuran besar gagal mematuhi arahan untuk tindakan pembedahan.<sup>9</sup>

---

<sup>8</sup> Prosedur 31 Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020

<sup>9</sup> Prosedur 32 (3) Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020

Sekiranya didapati berlaku ketidakakuran seperti yang dinyatakan di atas, tindakan akan dikenakan ke atas pemegang SPHM yang tidak patuh mengikut kategori ketidakakuran. Antara tindakan yang boleh dikenakan adalah pengeluaran notis ketidakakuran, penggantungan SPHM, penarikan balik SPHM, pembekuan akaun MYeHALAL, atau makluman status halal sesebuah syarikat kepada umum. Bagi kategori ketidakakuran kecil, notis pemantauan dan ketidakakuran akan dikeluarkan terlebih dahulu dan amaran diberikan untuk tindakan pembetulan dalam tempoh tertentu. Selepas tamat tempoh yang diberikan, pihak berkuasa berwibawa akan menjalankan pemantauan susulan dan sekiranya pihak yang tidak akur gagal melaksanakan pembetulan, maka SPHM akan digantung serta merta. Tindakan yang boleh dikenakan kepada ketidakakuran kategori besar adalah penggantungan sijil halal. Bagi ketidakakuran serius, tindakan yang boleh dikenakan adalah pengeluaran notis pemantauan dan notis penarikan SPHM. Sijil Pengesahan Halal Malaysia akan ditarik balik serta merta dan laporan penarikan balik SPHM kepada Panel Pengesahan Halal adalah keputusan yang muktamad.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhannya, MPPHM 2020 lebih komprehensif, terperinci dan mempunyai jangkauan kawalan yang lebih besar berbanding MPPHM 2014. Sebahagian kandungan MPPHM 2020 sebenarnya telah memasukkan elemen-elemen yang telah dilaksanakan oleh pihak JAKIM dengan kerjasama pihak industri sebelum ini tetapi ianya tidak termaktub secara tertulis dalam Manual. Ini termasuklah *whitelist* pemegang SPHM, Inisiatif Segera Pensijilan Halal Malaysia (ISPHM), Jawatankuasa Halal Dalam dan beberapa perkara lain yang tidak dikembangkan sebelum ini. Tambahan lagi, MPPHM 2020 juga telah ditambahbaik mengikut keadaan dan keperluan semasa dan berdasarkan cabaran-cabaran yang lepas di mana MPPHM 2014 tidak menyatakan sesuatu tindakan secara jelas.<sup>10</sup> Buat masa hadapan, diharapkan MPPHM dan juga perundangan-perundangan lain yang telah dikemaskinikan kandungannya kebelakangan ini akan melancarkan lagi proses pensijilan halal di Malaysia dan secara tidak langsungnya akan terus memacu perkembangan industri halal Malaysia domestik dan antarabangsa.

## **RUJUKAN**

- Ab. Halim, M. A. & Mohd Salleh M. M. (2018). Peranan Jakim Dan Jain Dalam Kes Yang Melibatkan Penyalahgunaan Label Halal Pada Produk Makanan. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(2), 51-60. Retrieved from <https://mjsl.usim.edu.my/index.php/jurnalmjssl/article/view/143>
- Ab. Halim, M. A. & Mohd Salleh M. M. (2012). Hak Pengguna Dalam Produk Halal: Kajian Berdasarkan Perspektif Undang-undang dan Syariah. *Malaysian Consumer Law Journal*, 1, 69-95.
- Ahmad Hasbi (2021, November 3). Kejar Untung, Sanggup Tipu Logo, Sijil Halal. *Hmetro*. Diakses pada 2 Jun 2022 di <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/11/773497/kejar-untung-sanggup-tipu-logo-sijil-halal>

---

<sup>10</sup> Seminar MPPHM 2020. 2020. Video. TMC Development.

- BERNAMA (2017, November 16). JAKIM sedia bantu Jepun sedia sijil halal untuk Olimpik. *BH Online*. Diakses pada 3 Jun 2022 di <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/11/351266/jakim-sedia-bantu-jepun-sedia-sijil-halal-untuk-olimpik>
- Buletin TV3. (2020). *Halal: Optimis Tingkat Sumbangan Halal Dalam KDNK*.
- Che Rosmawati Che Mohd Zaina, Suhaimi Ab Rahman, Zahira Mohd Ishak & Shamrahayu. (2015). Jurisdiction and Prosecution of Halal Matters in Malaysia: Challenges and Prospect. *Procedia- Social and Behavioral Science*.172:294-300.
- Halal Development Corporation. *Pelan Induk Industri Halal 2030*.
- Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar. (2014). HalalanTayyiban dalam Kerangka Perundangan Malaysia. *KANUN*. 1:103-120
- JAKIM. (2014). *Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia: Skim Pensijilan: 4*.
- Liziana Kamarul Zaman & Mariam Setapa. (2014). Undang-undang Produk Halal di Malaysia: Akta Perihal Dagangan 2011.
- Lokman Ab Rahman (2019). *Fiqh Halal Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Amri Abdullah, Zalina Zakaria, Ahmad Hidayat Buang & Siti Zubaidah Ismail (2021). Pensijilan Halal Di Malaysia: Suatu Analisis Pensejarahan Dan Perkembangannya. *Journal of Shariah and Research*. Issues 2, Vol 6.
- Mustaffa, K. A., Borhan, J. T., & Mohd Nor, M. R. (2017). Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia Sebagai Suatu Aplikasi Memenuhi Keperluan Konsep Halalan Tayyiban: Suatu Analisis. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 4(1), 1–16. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/RIS/article/view/9974>
- Nidiya Zuraya.(2020, Oktober 24). Kadin: Standar Produk Halal Malaysia Lebih Diakui Dunia. *Republika*. Diakses pada 2 Jun 2022 di <https://www.republika.co.id/berita/qipeeb383/kadin-standar-produk-halal-malaysia-lebih-diakui-dunia>
- Nor Farhana Yaacob (2020, Februari 3). Didenda RM10,000 guna halal palsu pada buku menu. *Sinar Harian*. Diakses pada 2 Jun 2022 di <https://www.sinarharian.com.my/article/186056/BERITA/Semasa/Didenda-RM10000-guna-halal-palsu-pada-buku-menu>
- Norazilawati Md Dahlal. (2015). *Pengurusan Kualiti Makanan Halal*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Nur Zulfah Md Abdul Salam (2019). *Agensi Terlibat Dalam Membantu Proses Pensijilan Halal Bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)*. 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2019).

- Nurul Atikah & Anwar Fakhri (2018). Kajian Literatur: Isu dan Cabaran Pengurusan Makanan di Malaysia. *Tazkia University College of Islamic Economic*. At-Tahkim, Vol. 8, No. 20.7.
- Paupi, N., & Man, S. (2018). Perkembangan Pentadbiran Pensijilan Halal di Malaysia 1974-2016: Satu Tinjauan. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 5(1), 1–17. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/RIS/article/view/12604>
- Setiayawan Gunardi Mohd Soberi Awang, Mohd Mahyeddin Mohd Salleh & Mustafa ‘Afifi. (2021). *Panduan Makanan Dan Minuman Halal: Kajian Menurut Perspektif Syariah Dan Perundangan Malaysia*. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Siti A’isyah Sukaimi (2021, November 11). Sasaran 75% dapat Pensijilan Halal dalam Tempoh Maksimum 30 Hari. *Utusan*. Diakses pada 2 Jun 2022 di <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/11/sasaran-75-dapat-pensijilan-halal-dalam-tempoh-maksimum-30-hari/>
- Siti Hawa Raden Eksan & Norazlisham Mohd Amin (2018). Teori Institusi: Tekanan Persekitaran Dalam Pengurusan Pensijilan Halal: Institutional Theory: Environmental Pressure in Halal Certification Management. *Journal of Muwafaqat*, 1(2), 1–21. Retrieved from <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/view/53>
- Syaripah Nazirah Syed Ager (2019). *Cabaran Penguatkuasaan Undang-Undang Produk Halal Di Kawasan Sempadan Malaysia-Thailand: Satu Tinjauan*. 5th Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference (MFIFC 2019).
- Tun Abdul Hamid Mohamad (2015). *Pembangunan Industri Halal Di Malaysia Daripada Sudut Perundangan*. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Dan Kewangan Islam 2015 (CMIEF 2015).
- Zalina Zakaria & Siti Zubaidah Ismail (2015). Perkembangan Pengaturan Halal Menerusi Akta Perihal Dagangan 2011 Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 23 (2) :189-216.

### **Senarai Statut**

Akta Perihal Dagangan 2011

Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014

Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Domestik) 2020